

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN

(SOALAN NO.8 HINGGA NO. 72)

26 MAC 2015

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG DIJAWAB DI DALAM DEWAN (SOALAN NO. 1 HINGGA 7)**

**NURELFIRA BT MOHD DAUD
CAWANGAN PERUNDANGAN
PARLIMEN MALAYSIA**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS
[TELOK KEMANG]
TARIKH : 26 MAC 2015
SOALAN :

YB Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang] minta
MENTERI KESIHATAN menyatakan:-

- (a) Sejauh mana usaha Kementerian untuk menambahkan jumlah pegawai pakar perubatan yang kini berjumlah seramai 1,199 orang berbanding 1,043,370 orang pesakit di seluruh negara; dan
- (b) Apakah tindakan Kementerian untuk menambah bilangan pakar bedah dalam bidang mikro dan tangan (hand and micro surgery) kerana terdapat hanya seorang pakar pada masa kini dan 13 orang pakar bedah kanak-kanak.

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Buat masa ini, Kerajaan mempunyai seramai 5,322 orang pegawai perubatan pakar pelbagai bidang di mana 4,100 orang dari jumlah tersebut berkhidmat di Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) Kenyataan bahawa pengawai perubatan pakar adalah seramai 1,199 orang sahaja adalah tidak tepat.

- b) Perkhidmatan bidang Mikro & Tangan di hospital Kerajaan adalah disediakan melalui pakar terlatih dalam pelbagai bidang iaitu Ortopedik, Pembedahan Plastik, Pembedahan Vaskular dan tidak semestinya oleh Pakar Pembedahan Mikro & Tangan sahaja.

Bagi kepakaran pembedahan kanak-kanak, perkhidmatan turut disediakan oleh pakar pembedahan am yang berpengalaman dan tidak semestinya oleh pakar pembedahan kanak-kanak sahaja. Pada masa ini, terdapat seramai 24 orang pakar pembedahan kanak-kanak di hospital Kerajaan. Kes-kes rumit akan dirujuk ke hospital yang terdekat yang memiliki kepakaran tersebut.

Kerajaan akan terus mengambil pelbagai langkah untuk menambahkan lagi bilangan pakar dalam bidang pembedahan Mikro & Tangan dan Pembedahan Kanak-Kanak, antara lain dengan meningkatkan lagi bilangan pelatih dalam bidang ini. Selain dari itu, bagi langkah jangka pendek untuk menampung keperluan pakar tersebut, kerajaan melantik pakar perubatan luar negara secara kontrak, membuat lantikan semula pakar KKM selepas bersara dan mendapatkan perkhidmatan pakar swasta secara sessional untuk berkhidmat dengan KKM.

Tuan Yang di-Pertua,

Pembiayaan dalam bentuk biasiswa bagi pegawai-pegawai perubatan yang ingin mengikuti latihan kepakaran termasuk dalam bidang onkologi dan pembedahan am sentiasa diberikan keutamaan berdasarkan agihan peruntukan latihan dalam bentuk biasiswa.

Peluang latihan yang terhad di Institusi Pengajian Tinggi Awam boleh diatasi dengan menyediakan biasiswa untuk mengikuti latihan di luar negara dan menerusi latihan kepakaran dengan Badan-badan profesional secara laluan paralel.

Kementerian berusaha menggalakkan inisiatif ini dengan cadangan pembiayaan di bawah Program Laluan Paralel dalam bentuk insentif kepada pegawai-pegawai perubatan yang berjaya lulus program laluan paralel ini yang akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia ke Sebelas.